

Satu sukatan pelajaran dlm seni silat perlu diadakan

- Haji Ya'acob

-8 AUG 1977

Oleh: KAMSAH SIRAT

✓ pencak silat

MENTERI Negara bagi Pejabat Perdana Menteri, Haji Ya'acob Mohamed, telah menyeru supaya disusun dan diadakan sukatan pelajaran persilatan agar ia mudah dipelajari oleh belia dan bellawanis di sini.

Berucap ketika merasmikan Pesta Silat Kebangsaan '77 di Panggung Negara pada Sabtu malam kemarin, dia berkata bahawa ia juga akan memudahkan mereka mewariskan aliran seni silat pencak ke-

pada jenarasi akan datang.

Haji Ya'acob berkata: "Sesuai dengan dasar pemerintah yang menggalakkan agar seni budaya rakyat berbagai keturunan berkembang hidup di taman budaya nasional di Republik ini, maka seluruh kerabat Persisi dan juga lain - lain jenis aliran persilatan yang ada hendaklah tampil ke depan bagi mengembangkan seni itu.

"Mereka hendaklah menyusun dan mengadakan sukatan pelajaran persilatan bagi kemudahan para belia dan bellawanis untuk mempelajarinya dan mewariskannya kepada jenarasi akan datang."

Katanya lagi, seni persilatan dan yang sehubungan dengannya masih lagi sesuai dengan segala azam bukan saja untuk menghidupkan seni budaya, tetapi juga da-

pat dijadikan suatu latihan menguatkan rohani dan jasmani.

Dengan kekuatan itulah nanti mereka akan dapat menjadi anggota masyarakat yang tahan lasak sebagai sumbangan kepada pembangunan masyarakat dan negara.

Kesedaran

Dengan kesedaran yang sudah timbul pula usaha mula digerakkan untuk menjadikan segala aliran silat pencak sebagai sukan atau olahraga setaraf dengan lain - lain jenis seni mempertahankan diri seperti taekwando, judo dan seterusnya tanpa meng-

hilangkan seninya. Dalam hal ini juga mereka haruslah membulatkan tekad bahawa mereka akan terus berusaha dengan penuh keazaman untuk menjadikan segala aliran silat pencak setaraf dan sejajar dengan segala jenis seni bela diri lain - lain bangsa keturunan yang terdapat di dunia ini.

"Pendekata," Haji Ya'acob menambah, "dengan modal yang ada sebagai perahu sudah di air, dayung sudah di tangan. Patah dayung dengan tangan kami dayungkan. Inilah azam dan tekad kami."

-8 AUG 1977
Kedua

Dalam pesta silat anjuran Persekutan Silat Singapura (PERSISI), sebanyak sepuluh permainan dari badan - badan tempatan telah ditunjukkan kepada para penonton yang memenuhi panggung yang mempunyai lebih 3,400 kerusi itu.

Pesta itu ialah yang kedua kali diadakan oleh Persisi. Pertama kali tahun lepas. Ia juga diserikan oleh persembahan - persembahan dari rombongan Malaysia dan Indonesia.

Hadiah pertama jatuh pada Perwanit dengan silat Seni Gayung, kedua - Himpunan Queens-town dengan silat Kuningan dan ketiga ialah Badan Kesenian Melayu dengan Silat Harimau.

Pesta itu diadili oleh Encik S. Kadarisman, Haji Saali dan Haji Eddy Djangjang Jataatmadja - kedua-duanya dari Indonesia.

Haji Shariff Medan, Haji Yusoff Latiff dan Haji Mustaffa Yassin mengadili pakalan dan persembahan.

Pemenang 2 peraduan silat

DALAM Pesta Silat anjuran Persisi baru-baru ini, kumpulan dari Perwanit dengan silat seni gayung telah menduduki tempat pertama, Persatuan Kebudayaan Melayu dengan silat Harimau menduduki tempat kedua dan ketiga pula Himpunan Queenstown dengan silatnya Kuningan.

Kesilapan dalam keputusan yang tersiar semalam dikesalkan.